

13 MAY 1996

PROGRAM SEORANG RAKYAT SATU POKOK UNTUK MENGHIJAUKAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Satu usaha jangka panjang untuk menghijaukan negara, program "Seorang Rakyat Malaysia Sebatang Pokok" akan diusahakan sejajar dengan seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengindahkan negara.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata setiap rakyat Malaysia akan digalak menanam sebatang pokok di bawah program itu.

Konsep bagi program itu lahir daripada kesedaran kerajaan bahawa pengurusan hutan berkekalan akan lebih mudah dengan pembabitan dan sokongan segenap lapisan rakyat, tambahnya.

Program itu merupakan salah satu projek yang dirancang untuk menyambut ulang tahun ke-25 Hari Perhutanan Sedunia peringkat Malaysia, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan mengenai perkara-perkara ekologi, sosial dan politik berhubung pengurusan hutan anjuran Universiti Pertanian Malaysia-University of British Columbia di sini.

Dr Lim berkata Majlis Kayu Malaysia telah memperuntukkan RM30,000 bagi anugerah tahunan yang dinamakan "Anugerah Hijau" untuk sumbangan cemerlang kepada pengurusan hutan berkekalan di negara ini.

Persidangan empat hari itu dihadiri oleh 100 peserta terdiri daripada ahli sains dan pakar dasar dari Australia, Canada Switzerland, Cameroon, Venezuela, Finland, Amerika Syarikat, Indonesia, Colombia dan Belanda. --
BERNAMA

DAB SIA